



## KENYATAAN MEDIA

### YaPEIM PERUNTUK DANA TAMBAHAN RM6.5 JUTA BAGI PROGRAM AMAL JARIAH

**PETALING JAYA, 29 JULAI 2021** - Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) memperuntukkan dana tambahan sebanyak RM6.5 juta bagi pelaksanaan program amal jariah pada tahun ini membabitkan tambahan sebanyak RM5 juta untuk pelaksanaan Program Foodbank YaPEIM dan RM1.5 juta bagi pelaksanaan Program Inspirasi YaPEIM Prihatin. Dana tambahan yang diperuntukkan ini menunjukkan keprihatinan cukup tinggi pihak YaPEIM dalam menyantuni masyarakat terutama dalam mengharungi tempoh penularan pandemik Covid-19.

Tambahan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi program Foodbank YaPEIM ini sekaligus menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan Program Foodbank YaPEIM 2021 adalah sebanyak RM15 juta dan bagi tahun 2021 ini sehingga 15 Julai seramai 375,601 orang telah menerima manfaat membabitkan agihan sumbangan berjumlah RM6.41 juta. Manakala tambahan RM1.5 juta bagi pelaksanaan Program Inspirasi YaPEIM Prihatin menjadikan jumlah keseluruhan Program Inspirasi YaPEIM Prihatin 2021 adalah sebanyak RM2.524 Juta dengan penerima manfaat seramai 56,450 orang membabitkan agihan RM1.36 juta untuk tempoh yang sama.

Pemberian bantuan Amal Jariah YaPEIM adalah mengikut keutamaan kepada masyarakat dan komuniti termasuk warga asing yang benar-benar terdesak dan memerlukan bantuan asas untuk kelangsungan hidup sepanjang pandemik Covid-19 khususnya masyarakat di kawasan-kawasan bandar yang dikenalpasti terjejas akibat pandemik ini terutamanya di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang dan Sabah, kata Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid, Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YaPEIM ketika sesi *webinar* sempena Ulang Tahun 37 Tahun YaPEIM yang disiarkan secara langsung menerui laman Facebook YaPEIM Smart Venture, di sini, semalam.

Penyaluran bantuan ini juga akan diperluaskan menerusi 212 Cawangan Ar Rahnul YaPEIM dan Pusat Pentadbiran YaPEIM (PPYN) di setiap negeri dengan kerjasama Rakan Strategik yang dikenalpasti di peringkat lapangan. YaPEIM melalui PPYN bersedia memberikan maklum balas dan bantuan segera yang bersesuaian kepada individu atau keluarga yang terdesak serta memerlukan bantuan melalui pelbagai medium termasuk menyantuni mereka yang mengibarkan 'bendera putih' sebagai tanda memerlukan bantuan segera.

Usaha yang sedang dilaksanakan oleh pihak YaPEIM ini juga turut membabitkan penyaluran sumbangan Amal Jariah dengan kerjasama pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah-sekolah susulan maklum balas yang sangat baik diterima daripada pihak-pihak terbabit bagi mengenalpasti kumpulan sasar yang benar-benar layak untuk menerima bantuan. Tidak ketinggalan usaha penyaluran bantuan ini akan berjalan seiring dengan hebahan publisiti melalui semua rangkaian media sosial dimiliki YaPEIM termasuk penerbitan kandungan atau bahan publisiti yang lebih “real” berdasarkan pengalaman sebenar misi dan penerima bantuan.

Untuk rekod YaPEIM dalam tempoh Mac 2020 sehingga 15 Julai 2021 turut membuat agihan bagi program kebajikan lain seperti Program Sinar Kasih yang menyantuni 495 orang penerima manfaat dengan jumlah pembiayaan RM1.19 juta ; Dana Inspirasi Malaysia (Inspirasiku) dengan 126,366 orang penerima manfaat membabitkan jumlah pembiayaan RM18,386,128; Inspirasiku MyHAUS dengan lima keluarga membabitkan jumlah RM126,000. YaPEIM turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia yang telah membuat sumbangan menerusi Tabung Amanah YaPEIM sekaligus membolehkan program Amal Jariah YaPEIM dapat digerakkan.

Selain itu, dalam tempoh yang sama pihak YaPEIM menerusi Program Mikro Kredit Ar Rahnu YaPEIM telah menyediakan kemudahan pembiayaan melalui Ar Rahnu Bisnes yang ditawarkan di Ar Rahnu YaPEIM, di mana sebanyak RM71.98 juta jumlah pembiayaan dicatatkan dengan 31,650 transaksi dilakukan oleh 4,609 orang pelanggan. Tidak ketinggalan Bantuan Ar Rahnu Care mulai 2 Disember 2020 hingga 15 Julai 2021 telah memberi manfaat kepada 55 orang penerima manfaat dengan jumlah pembiayaan berjumlah RM6,000. Secara keseluruhan peruntukan bagi program Amal Jariah dan pembiayaan Ar Rahnu YaPEIM kepada masyarakat meningkat kepada RM193 juta bagi tahun ini berbanding RM164.68 juta bagi tahun 2020.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi Korporat YaPEIM  
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)

Hairiyah Kamaruddin  
E-mel: [hairiyah@yapeim.my](mailto:hairiyah@yapeim.my)  
Tel: 016-3470474

Wahida Baderi  
E-mel: [wahidabaderi@gmail.com](mailto:wahidabaderi@gmail.com)  
Tel: 013-583 4997

Mohamad Azim Fitri Abd Aziz  
E-mel: [azimfitri1990@gmail.com](mailto:azimfitri1990@gmail.com)  
Tel: 019-244 0585